

lakshamsau



TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA

Tamadun India

PENGENALAN

- ✘ Tamadun India merujuk kepada tamadun yang berpusat di Lembah Sungai Indus.
- ✘ Tamadun India bermula di benua India dan perkembangannya meliputi beberapa aspek seperti agama dan falsafah, seni, budaya dan sebagainya.
- ✘ Ketamadunan India boleh dibahagikan kepada 3 fasa utama iaitu Zaman Hindu, Zaman Islam dan India moden.

KONSEP DAN TAKRIF


- ✘ Merangkumi 2 bahagian utama benua kecil India iaitu Indro-Arya (utara India) dan Dravida (selatan India).



WILAYAH

✘ Kedudukan geografi

- + Terletak diantara Lautan Hindi dengan Pergunungan Himalaya.
- + Terbahagi kepada 2 wilayah utama iaitu India Utara (terbentang sehingga ke kawasan Himalaya) dan India Selatan (terbentang ke Kannyakumari).
- + Disebelah Barat disempadani oleh tamadun Parsi dan disebelah timur disempadani oleh tamadun Cina.



✘ Masyarakat Indo-Arya

- + Masyarakat Indo-Arya berbahasa Sanskrit.
- + Empat buah Veda iaitu Rig, Yajur, Sama dan Arharva menjadi pegangan kuat masyarakat ini.
- + Kitab-kitab tersebut mencerminkan aspek pemikiran, kepercayaan, amalan dan kehidupan masyarakat Indo-Arya.



- ✘ Veda : koleksi teks tentang prinsip dan peraturan iaitu autoriti yang terakhir. Ianya tidak mempunyai pengasas, sebaliknya adalah diwahyukan.

Rig Veda	merangkumi 10 buku yang mengandungi mazmur-mazmur dan puji-pujian tentang dewa dewi, makhluk halus dan soma.
Yajur Veda	mengandungi rumusan korban dan mantera suci ketika acara korban
Sama Veda	not-not muzik dan nyanyian pujian di kuil ketika sembahyang dan doa.
Atharva Veda	Peraturan-peraturan pendeta, rumusan-rumusan sihir, kaedah-kaedah perubatan dan sebagainya.

✘ Masyarakat Dravidia

- + Masyarakat Dravidia berbahasa Tamil.
- + Kepercayaan, pemikiran serta amalan masyarakat ini adalah berdasarkan ajaran mazhab Saivisme dan Vaisnavisme.
- + Saivisme adalah satu mazhab yang dipelopori oleh Sankara iaitu, seorang ahli falsafah Brahmin India Selatan.
- + Vaisnavisme adalah satu mazhab yang dipelopori oleh Ramnuja, seorang Brahmin yang menekankan kepentingan kebaktian kepada Vishnu, tuhan yang menyelamatkan manusia dari kesengsaraan, demi untuk mencapai kebebasan.

MASYARAKAT DAN BUDAYA

× Sistem keluarga

+ Susun lapis masyarakat India mengikut Veda diistilahkan sebagai Ashrama Dharma.

× *Brahmacrya* (bujang)

- ★ Berusia 12 tahun berterusan sehingga 24 tahun, zaman bujang.
- ★ Dua belas tahun pertama menandakan tahap pembelajaran yg biasa (informal) dan dua belas tahun kedua menandakan tahap pembelajaran yg serius (formal)

× *Grahasta* (kehidupan berkeluarga)

- ★ Mula kehidupan berumahtangga. 21 hingga 30 tahun usia perkahwinan lelaki. 18 hingga 25 tahun bg wanita. Mencari kekayaan seblm berkahwin. Memelihara keharmonian dan menyara keluarga

- ✘ Vanaprasta (kerohanian)

- + Golongan berumahtangga berusia 48 hingga 72 tahun. Mencapai kearifan dan berkeupayaan menasihati org lain. Menyelesaikan tanggungjawab terhdp keluarga dan mendalami agama.

- ✘ Sannyasa (menolak kehidupan duniawi)

- + Berusia 72 tahun. Dpt mengatasi nafsu dan duniawi. Berilmu dan alim, menjlnkan kerja amal, menyebarkan agama.

✘ Purusartha (merupakan 4 objektif mulia yang mesti diamalkan oleh semua manusia mengikut perspektif tamadun India)

+ Aram/dharma:

- ✘ Peraturan moral dan etika yang bersifat kerohanian.
- ✘ Diperolehi melalui pendidikan kerohanian yang dididik dalam jika manusia sejak berada dalam tahap brahmacrya lg.
- ✘ Merupakan objektif kehidupan yang pertama.

+ Porul/artha

- × Aspek kekayaan iaitu seseorang yang telah cukup ilmu dan kemahiran perlu bekerja bagi mengumpul kekayaan.
- × Ianya perlu dipandu oleh aram.

+ Inbam/kama:

- × Kekayaan yang dikumpulkan secara halal boleh dinikmati berlandaskan dharma.
- × Kekayaan perlu dikongsi bersama isteri, anak, saudara mara, warga tua, orang alim dan masyarakat.
- × Disarankan untuk menjalankan kerja-kerja amal.

✘ Vidu/moksha:

- + Fasa kebebasan kerohanian apabila seseorang memperolehi kesedaran yang sempurna dan terlepas dari lingkaran kelahiran dan kematian.

× Sistem kasta

- + Satu amalan yang unik dalam tamadun India yang menitikberatkan idea kelas dalam masyarakat yang mempunyai peranan masing-masing.
- + Empat kasta yang utama iaitu:
 - × Brahmin : golongan pendidik
 - × Ksatriya : golongan pemerintah
 - × Vaisya : golongan peniaga
 - × Sudra : golongan pekerja

Brahmans belong to the highest caste. They are priests and scholars.



Kshatriyas are soldiers and warriors.



Vaisyas are merchants and professionals.



Sudras are the lowest caste. They are labourers and servants.



✘ Bahasa dan kesusasteraan

- Kitab Veda ditulis dalam bahasa Sanskrit dan tafsiran falsafah-falsafah juga dalam bahasa Sanskrit. Bahasa Sanskrit adalah asas kepada bahasa Hindi masyarakat India moden.
- Bahasa Dravida merangkumi beberapa bahasa yang penting di bahagian Selatan India. Bahasa-bahasa Tamil, Telegu, Malayalam dan Kannada di anggap penting.

BAHASA DAN KESUSASTERAAN

- ✘ Terbahagi kepada kesusasteraan Vedik, Kesusasteraan Epik dan kesusasteraan Dravidia.
- ✘ Mahabharata:
 - + Berbentuk sajak yang terdiri daripada 200 000 ayat.
 - + Dihasilkan oleh pujangga Vyasa.
 - + Menceritakan tentang Perang terbesar membabitkan keluarga Bharata di Kurusetra antara puak Pandava dan puak Kurava.

-
- Bhagavadgita merupakan sebahagian daripada epik Mahabharata yang mengandungi ajaran agama dalam bentuk falsafah. Antara perkara penting yang ditekankan ialah:
 - Menjalankan tanggungjawab tanpa mengharapkan sebarang balasan.
 - Menyerah diri kepada Tuhan.
 - Mendisiplinkan rohani dan jasmani
 - Mengawal hawa nafsu, kemarahan dan sebagainya.

-
- Epik Ramayana ditulis oleh Valmiki merupakan kitab yang memiliki unsur-unsur moral yang menekankan kebaikan akan sentiasa mengatasi kejahatan.

KESUSASTERAAN DRAVIDIA

- ✘ Bahasa Dravidia merangkumi beberapa bahasa seperti Tamil, Telegu, Malayalam dan Kannada.
- ✘ Karya tertua yang pernah ditemui dalam bahasa Tamil ialah Tolkapiyam yang berkisarkan fonologi, morfologi, sintaksis dan konvensi-konvensi puisi.

KESUSASTERAAN DRAVIDIA

- Kesusasteraan Sangam mengandungi dua koleksi iaitu:
 - Ettutokai mengandungi 2381 puisi ciptaan 473 orang pujangga.
 - Pattupattu : koleksi nyanyian.
- Dalam konteks kesusasteraan Sangam, Aham merujuk kepada cinta, kasih sayang dan hati, manakal Puram pula merujuk kepada sifat-sifat keperwiraan, perbuatan mulia, keadilan, berani dan murah hati.

-
- ✘ Tirukkural dikarang oleh pujangga Tiruvalluvar merupakan sastera klasik dan tertua dalam Kesusasteraan Tamil.
 - ✘ Melambangkan nilai kemanusiaan yang membicarakan pelbagai persoalan tentang sikap manusia terhadap dirinya dan alam.
 - ✘ Naladiyar ialah karya puisi etika yang tulin yang mengandungi 40 buah bab yang dihasilkan oleh beberapa penyair tetapi dikumpulkan oleh Pedumanar.
 - ✘ Menekankan aspek kesederhanaan dalam kehidupan manusia serta menekankan kepentingan pertapaan tanpa menyebut tuhan.

PANDANGAN SEMESTA TAMADUN INDIA

- ✘ Pandangan semesta tamadun India bergantung pada falsafah dan pegangan agama masyarakat di India.
- ✘ Hinduisme merangkumi idea-idea agama, falsafah dan budaya.
- ✘ Pendapat lain juga mengatakan bahawa agama adalah amalan hidup.

✘ Agama Hindu

- + Diambil daripada nama sebuah sungai yang bernama Sindhu atau Indus disebelah utara barat laut India dan didiami oleh kelompok Indo-Arya.
- + Agama Hindu tiada pengasasnya yang khusus melainkan kelahirannya merupakan evolusi amalan budaya dan adat istiadat masyarakat Indo-Arya.
- + Sanatama dharma (agama yang kekal abadi).

✘ Berikut merupakan pandangan semesta agama Hindu bagi memahami kepercayaan ini:

+ Tuhan:

✘ Tuhan dikonsepsikan dalam bentuk trimurti yang terdiri daripada Brahma, Vishnu dan Shiva.

+ Kitab Suci:

- ✘ Kitab-kitab suci agama Hindu dibahagikan kepada 2 kelompok iaitu Shruti (yang didengar) dan Smiriti (yang dihafal)
- ✘ Shruti terdiri daripada 4 buah kitab Veda (Rig, Sama, Yajur dan Atharva)
- ✘ Smiriti berfungsi sebagai ilmu terapan iaitu aplikasi daripada prinsip-prinsip yang terdapat dalam Veda.
- ✘ kandungannya perlu dihafal untuk dilaksanakan dalam upacara-upacara keagamaan.
- ✘ Puranas, Agamas, Dharma Shastras dan 2 epik terbesar iaitu Ramayana dan Mahabharata.

+ Prinsip-prinsip kepercayaan agama Hindu:

- × Tuhan
- × Atman atau nyawa: merupakan esensi atau hakikat kewujudan makhluk yang bernyawa.
- × Karma dan Samsara: karma ialah perlakuan yang sekaligus membentuk prinsip moral. Samsara jalur lingkaran yang dilalui oleh atman dalam bentuk kelahiran semula dan kematian yang berterusan mengikut hukum karma.
- × Moksha: makam yang menempatkan atman seseorang, yang menandakan kebebasan daripada samsara dan bersatu dengan Tuhan.

✘ Agama Buddha

- + Diasaskan oleh Siddharta Gautama(563-483 S.M), putera Raja Suddhodana Gautama, suku bangsa Shakya di India.
- + Semasa berumur 29 tahun, Siddharta Gautama menerima kesedaran setelah bertapa di bawah pokok bodhi (Buddha).
- + Ajaran Buddha mengutamakan Dhamma dan Dharma yang menerangkan Empat Kebenaran Mulia dan Lapan Jalan Mulia untuk mengatasi samsara(sengsara) kitaran kelahiran semula.

✘ Empat Kebenaran Mulia

- + Penderitaan itu universal (dukkha)
- + Ada punca segala penderitaan (dukkha samudaya)
- + Penderitaan itu boleh diatasi (dukkha nirodha)
- + Ada cara untuk mengatasi penderitaan (dukkha nirodha marga)

✘ Lapan Jalan Mulia

- + Pandangan yang betul (kefahaman)
- + Aspirasi yang betul (cita-cita)
- + Pertuturan yang betul (komunikasi)
- + Kelakuan yang betul (aksi)
- + Kehidupan yang betul (sara hidup)
- + Usaha yang betul (daya usaha)
- + Minda yang betul (mental)
- + Konsentrasi yang betul (meditasi)

✘ Mazhab Hinayana dan Mahayana

- + Kumpulan Hinayana disebut Theravada. Ia menegaskan kehidupan ascetic. Tersebar di kawasan selatan seperti India Selatan, Sri Lanka, Myanmar, Negeri Thai dan Myanmar.
- + Mazhab Mahayana percaya bahawa pembebasan hanya dapat dicapai melalui Bodhisattva atau guru sebagai pengantara. Tersebar ke Tibet, Mongolia, Korea, China dan Jepun.

✘ Agama Sikh

- + Diasaskan oleh Guru Nanak (1469-1539)
- + Mesej Guru Nanak dalam ajarannya menyentuh kod moral dan kerohanian serta semangat kemanusiaan tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan gender dalam masyarakat.
- + Merupakan agama monoteisme dan kepercayaan utama ialah mengenai kewujudan tuhan yang satu, abadi, amat berkuasa dan manusia tidak dapat menghuraikannya.
- + Penganut Sikh menyebut nama Tuhan dengan perkataan Waheguru (Tuhan yang menakjubkan).

-
- ✘ Gobind Sikh (1675-1708) memperkenalkan persaudaraan khalsa bertujuan memperkuat identitas Sikh dengan memakai lima simbol utama yang dikenali dengan 5K.
 - ✘ Pengikut Sikh dikehendaki menghormati simbol 5K demi kesejahteraan hidup dan penerimaan agama Sikh.

× 5 K

- + Kos = rambut panjang,
- + kangha = sikat,
- + karpan = pedang,
- + kacha = seluar pendek
- + kara = gelang besi



PERANAN ISLAM DALAM TAMADUN INDIA

- ✘ Islam memainkan peranan besar dalam perkembangan dan pembinaan tamadun India sejak abad ke-7M.
- ✘ Antara sumbangan tersebut ialah menyatukan pemerintahan di bawah satu kuasa yang berpusat di Delhi, melahirkan bahasa baru, seni bina dan mewujudkan pusat-pusat pengajian yang penting dan terkenal.

PENCAPAIAN DALAM PELBAGAI BIDANG


✘ Kesenian

- + Kesenian dalam seni halus (tarian, musik dan drama)
- + Dari segi keagamaan, Siva, Krishna dan Ganesha dikaitkan dengan tarian.



✘ Seni bina.

- Ditentukan oleh peraturan, perancangan, pemilihan tapak, mitologi dan astronomi.
- 2 bentuk bulat dan empat segi. Kuil bukan tempat ibadat tetapi tempat suci dan pusat menghimpunkan rakyat dari aneka lapisan.
- Struktur yg penting ialah Shihkara (bentuk kereta kuda), Vimana (menara piramid), Ratha (bentuk binatang/burung), Gopuram (pintu masuk kuil)
- Seni bina Buddha pula ialah Stupa Buddha (separuh bulat yg diukir pada batu), Stambhas (tiang yg diukir dengan ayat-ayat suci), seni bina gua, Vedika Batu, Torana Buddha (pintu gerbang)
- Seni bina Islam merupakan gabungan unsur-unsur Arab, Parsi dna tempatan. Menara besar (Qutb-Minar), Taj Mahal.



✘ Seni ukir.

+ Pembuatan patung, tiang berukir dan seni pahat.

✘ Seni lukis.

+ Candi dan kuil dihiasi dengan dengan lukisan yang menggambarkan unsur-unsur keceriaan dan keagamaan.

✘ sains dan teknologi

+ Merangkumi bidang matematik, astronomi, fizik, kimia dan logam.